

Banjir terburuk sejak 40 tahun

Sinar 3/12/2011 MS 10

Hampir 100 premis perniagaan dimasuki air, 250 kenderaan terperangkap



SUBKHI SUDARJI

KAJANG - Kejadian banjir kilat terburuk yang berlaku kira-kira 40 tahun lalu di Kajang kini berulang kembali apabila hujan lebat petang semalam menyebabkan kira-kira 250 kenderaan terperangkap dan 100 premis perniagaan dimasuki air.

Hujan lebat yang bermula jam 3.15 petang dan berakhir dua jam kemudian itu menyebabkan beberapa lokasi terutamanya Pasar Kajang dan Pekan Kajang dipenuhi air sehingga ke paras bumbung kenderaan.

Tinjauan *Sinar Harian* di lokasi berkenaan mendapati, kebanyakan pemilik kenderaan dan peniaga gagal menyelamatkan kenderaan dan barangan

disebabkan air yang naik dengan mendadak hanya dalam tempoh lima minit sahaja.

Paras air yang hampir menenggelamkan kenderaan dan memasuki premis perniagaan, bagaimana pun mulai surut kira-kira jam 6.15 petang sebelum kerja pembersihan dilaksanakan pemilik premis.

Pergerakan air yang deras juga menyebabkan beberapa kenderaan ditenggelami air sehingga ke pasar bumbung serta dihanyutkan beberapa meter dari lokasi awal.

Sebelum ini, Kajang pernah dilanda banjir kilat terburuk pada 1971, 1981, 1991, 2007 dan kejadian semalam merupakan yang kedua terburuk selepas hampir 40 tahun.

Lokasi yang teruk terjejas ialah Pasar Kajang dan premis perniagaan sekitarnya.

Difahamkan terdapat beberapa faktor utama yang menyebabkan kejadian banjir kilat itu berlaku, antaranya penerokaan tanah bagi tujuan pertanian di kawasan Hutan Simpan Hulu Sungai Jelok cetek hingga menyukarkan pengaliran air hujan.

Sehingga jam 8 malam, beberapa agensi bertanggungjawab dan pihak berkuasa tempatan (PBT) sedang membantu pemilik kenderaan mengalihkan kenderaan masing-masing dan membersihkan kawasan sekitar yang dipenuhi sampah sarap dan lumpur.

Antara kenderaan yang terperangkap ditenggelami air di Pekan Kajang.

Penerokaan tanah antara punca

KAJANG - Sistem perparitan yang gagal menampung jumlah pengaliran air hujan dan penerokaan tanah bagi tujuan pertanian di kawasan Hutan Simpang Hulu Sungai Jelok dikesan antara beberapa punca berlakunya banjir kilat di Kajang.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ), Datuk Hassan Nawawi Abd Rahman berkata, beberapa kawasan sekitar Kajang terutamanya di Pasar Kajang mengalami banjir kilat yang teruk dalam sejarah selepas kejadian yang sama berlaku 40 tahun sebelum ini.

“Berdasarkan maklumat awal yang diterima, beberapa kawasan sekitar Kajang iaitu Pekan Kajang, Pasar Kajang dan Sungai Kantan mengalami kejadian banjir kilat yang teruk, walaupun hujan lebat dalam tempoh dua jam sahaja.

“Beberapa faktor utama yang menyebabkan kejadian ini berlaku disebabkan masalah sistem perparitan gagal menampung jumlah pengaliran air hujan dan penerokaan tanah bagi tujuan pertanian di kawasan Hutan Simpang Hulu Sungai Jelok, di sini,”



Paras air naik mendadak, semalam mencemaskan orang ramai yang berada di kawasan sekitar.

katanya ketika melakukan tinjauan di lokasi kejadian, semalam.

Menurutnya, berdasarkan maklumat yang diterima, keadaan hujan pada kali ini adalah sesuatu yang luar biasa iaitu 71 milimeter (mm) dan ia melebihi tahap amaran untuk banjir iaitu 60 mm.

“Kebiasaannya hujan turun sekitar purata 40 mm sahaja dan sekiranya ia turun pada peringkat 60 mm kita perlulah berjaga-jaga untuk ban-

jiir, namun kali ini ia turun pada kadar 71 mm dan hanya mengambil masa kira-kira lima hingga 10 minit untuk ‘menenggelamkan’ kawasan sekitar Pasar Kajang.

“Keadaan air yang naik mendadak ini menyebabkan kebanyakan pemilik kenderaan yang datang menjalani urusan seharian di Kajang gagal menyelamatkan kenderaan mereka dan ada antaranya dihanyutkan oleh arus air,” katanya.

Kumpul nama mangsa, premis terjejas

KAJANG - Maklumat lengkap semua mangsa yang terlibat dalam kejadian banjir kilat akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk dipertimbangkan bagi pemberian bantuan sewajarnya bagi meringankan beban yang ditanggung.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kajang, Lee Kim Sin berkata, semua maklumat individu yang mengalami kerugian dengan kejadian itu akan dikumpulkan dengan bantuan bersama MPKJ.

“Kita akan jalankan banciaan di semua premis perniagaan yang ter-

libat ini bagi mendapatkan maklumat berkenaan dan mengharapkan pemilik kenderaan yang terbabit membuat laporan polis serta memaklumkan kepada MPKJ.

“Ia akan digerakkan dalam masa terdekat dan akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri,” katanya.

Pantau elak kereta hilang

KAJANG - Polis menempatkan kira-kira 20 anggota di sekitar kawasan yang ditenggelami air akibat banjir kilat yang berlaku di Kajang bagi mengelak aktiviti kecurian sama ada di premis perniagaan atau membabitkan kenderaan yang masih tersadai.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Ab Rashid Ab Wahab berkata, semua anggota polis ditempatkan di beberapa lokasi kejadian banjir kilat yang berlaku bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini berlaku.

“Anggota yang ditugaskan ini akan memantau kenderaan ditenggelami air yang masih belum diambil pemilik, kita tidak mahu ada pihak yang cuba mengambil kesempatan atas keadaan banjir kilat yang berlaku ini.

“Selain itu, anggota polis yang bertugas juga akan membantu dari segi laluan lalu lintas bagi memudahkan proses membawa kenderaan yang rosak akibat banjir berkenaan dan melaksanakan rondaan di sekitar premis perniagaan,” katanya ketika ditemui di lokasi kejadian.

Sementara itu, Penolong Pengarah Operasi Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul berkata, siasatan awal mendapati, banjir kilat yang berlaku itu dipercayai berpunca daripada saluran air yang tersumbat.

“Air naik dengan begitu cepat sehingga ke paras pinggang terutamanya di pekan Kajang, banyak kenderaan terutamanya kereta dan motosikal musnah ditenggelami air.

“Air surut sepenuhnya kira-kira jam 6 petang,” katanya.



Sebuah kenderaan mewah yang terkandas cuba diselamatkan.